

The Contributions of Sheikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi

Sumbangan Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi

Mohd Zulfakar bin Hj Mat Jusoh¹

Che Zarrina binti Sa'ari²

Azmil bin Zainal Abidin³

Abstract

The development of Islam in the state of Perak was not popular in the 19th century. After the presence of figure from Minangkabawi such as Sheikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi, the development of religious discourse was getting more positive. Generally, Sheikh Muhammad Saleh Abdullah was one of the scholars who played a role in spreading Islamic teachings in the form of Sufism in the natural archipelago. He was appointed as Sheikh al-Islam Perak Darul Ridzuan by Yamtuan Muda Perak. This article used a data collection survey method and historical based analysis which were applied to the contributions brought by Sheikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi as Sheikh al-Islam Perak Darul Ridzuan. The result of this study found that Sheikh Muhammad Saleh Abdullah succeeded in spreading the teachings by using a position in politics as an influential person with the Sultanate of Istana Perak Darul Ridzuan. Inculcating positive dimensions for the influence of tasawwuf knowledge in the Malay archipelago was also one of the contributions made by Sheikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi.

Keywords: *Sheikh al-Islam, Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi, Kashf al-Asrār, Perak Darul Ridzuan, Tasawwuf*

Pendahuluan

Minangkabau merujuk kepada sebutan asal Minang merupakan satu entiti budaya, masyarakat dan geografi serta sesuatu penggunaan bahasa, adat dalam kalangan kaum Melayu di Nusantara yang hidup pada zaman terdahulu. Secara geografi pula, Minangkabau meliputi daratan Sumatera Barat, separuh daratan Riau, dan bahagian Utara Bengkulu, bahagian Barat Jambi, pantai Barat Sumatera Utara, Barat Daya Aceh, dan Negeri Sembilan yang berada di Malaysia⁴, majoriti sebutan orang Minang itu dirujuk kepada masyarakat di kawasan-kawasan tersebut yang berpindah-pindah sekitarnya, lalu dipanggil sebagai orang perantau⁵.

Naratif perkembangan Islam sebagai satu potensi wacana keilmuan di Alam Melayu amat sinonim dengan peranan pemerintahan daripada sesuatu kesultanan di istana Melayu terdahulu.

¹ Mohd Zulfakar bin Hj Mat Jusoh, Calon Ijazah Kedoktoran Falsafah (Ph.d) Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur Malaysia. zulfekar91@yahoo.com.

² Professor Madya Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur Malaysia. zarrina@um.edu.my.

³ Pensyarah Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur Malaysia. hadiqah_irfan@um.edu.my.

⁴ M.D. Mansur *et.al* (1970), *Sejarah Minangkabau*, Jakarta: Bharata, h. 4.

⁵ Noor Hayati Ismail *et.al* (2014), "Identiti Rumah Tradisional Negeri Sembilan Melalui Evolusi Reka Bentuk", *Journal of Design + Built* 7 Vo. 7. h. 1-18.

Sekitar abad ke-19 Masihi, struktur sosiol dalam politik pemerintahan kesultanan Riau Lingga di Nusantara, juga telah mempengaruhi beberapa aspek dalam sistem pemerintahan kesultanan terhadap keadaan istana di negeri Perak Darul Ridzuan. Engku Raja Mahmud merupakan salah seorang daripada kerabat kesultanan negeri Perak Darul Ridzuan, beliau juga dikenali sebagai Imam Paduka Tuan Perak. Selaku orang yang terlibat dengan pemerintahan di negeri Perak pada ketika itu, Engku Raja Mahmud telah memainkan peranannya untuk mengkaderkan watak baru dalam wacana keagamaan di negeri Perak Darul Ridzuan, beliau telah melihat Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi sebagai tokoh yang amat berpotensi untuk mencapai misinya tersebut⁶.

Riwayat Kehidupan Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkbawi

Biodata mengenai Syeikh Muhammad Saleh Abdullah masih menjadi banyak misteri. Catatan yang terperinci mengenai jalur dan salasilah Syeikh Muhammad Saleh Abdullah masih belum dapat dirungkai oleh pengkaji dahulu. Sebagai contoh, mengenai nama orang tua bagi Syeikh Muhammad Saleh, ia terdapat dua nama yang berbeza di antara nama yang menyebut Abdullah dan Muhammad Thayyib yang masih menjadi persoalan. Perbezaan pada nama orang tuanya ini terjadi disebabkan penggunaan dua nama ini sinonim pada karya dan juga pada pengiktirafan sebagai Syeikh al-Islam di negeri Perak Darul Ridzuan seketika dahulu. Nama orang tuanya sebagai Abdullah juga telah digunakan pada penulisan karyanya seperti *Kashf al-Asrār* yang didapati pada hari ini, manakala nama disandarkan sebagai Muhammad Thayyib pula digunakan di dalam jabatan qadi sebagai nama rasmi di negeri Perak Darul Ridzuan. Dalam catatan salah seorang anak murid Syeikh Muhammad Saleh, menyatakan bahawa beliau dianggarkan telah lahir sekitar tahun 1266 Hijrah atau bersamaan 1850 Masihi di Kampung Luak Tungkar Tanah Darat Sumatera Barat Indonesia⁷.

Melalui riwayat kehidupan Syeikh Muhammad Saleh Abdullah, beliau diceritakan telah berangkat ke Makkah sejak dari berumur enam tahun bagi tujuan untuk mendapatkan pendidikan. Orang tuanya iaitu Syeikh Abdullah atau Syeikh Muhammad Thayyib yang dikenali dengan gelaran Syeikh Haji Makkah⁸. Di atas faktor latar belakang orang tuanya ini selaku Syeikh Haji yang selalu menetap serta mengembara mendapatkan pendidikan di Makkah, secara tidak langsung Syeikh Muhammad Saleh telah mendapat didikan daripada ayahnya serta guru-guru yang mengajar di sekitar Masjid al-Haram berada di Makkah pada waktu itu.

Kehidupan Syeikh Muhammad Saleh dibesarkan di tanah suci Makkah dan di Alam Nusantara juga, dihidupkan dengan wacana perkembangan ilmu keagamaan Islam yang harmoni. Wacana tradisi keagamaan Islam ini dihidupkan oleh beberapa tokoh-tokoh sezaman dengan Syeikh Muhammad Saleh Abdullah yang popular di Alam Nusantara. Ini dikatakan sezaman riwayat kehidupan Syeikh Muhammad Saleh Abdullah adalah seperti Syeikh Muhammad Khatib Minangkabawi (1276H), Syeikh Mukhtar Bogor (1278H), dan Syeikh Nawawi al-Bantani (1230H), dan Syeikh Utsman Abdullah (1267H)⁹.

Apabila mencapai usia yang matang, Syeikh Muhammad Saleh Abdullah banyak melibatkan diri dalam urusan pentadbiran agama di dalam suatu pemerintahan kesultanan kerajaan di

⁶ Wan Mohd Saghir Abdullah (2004), *Koleksi Ulama Nusantara*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah, 1:44.

⁷ *Ibid.*, 1:43.

⁸ Wan Mohd Saghir Abdullah, Shahril bin Kamil (2004), “Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Al Minankabawi Syeikhul Islam Perak Darul Redzuan”, *Bicara Agama: Utusan Malaysia*. 26 April 2004.

⁹ *Ibid.*,

Nusantara. Kareer Syeikh Muhammad Saleh Abdullah bermula di mahkamah kesultanan Riau Lingga, beliau ketika itu dilantik oleh Yamtuan Muda Raja Muhammad Yusuf al-Ahmadi. Syeikh Muhammad Saleh Abdullah selaku seorang hakim yang berjaya menyelesaikan masalah-masalah mahkamah tersebut yang sebelum ini telah tertangguh lamanya. Pencapaian ini telah memberikan kepercayaan yang tidak berbelah bagi kepada Yamtuan Muda Raja Muhammad Yusuf al-Ahmadi untuk Syeikh Muhammad Saleh Abdullah menjaga kewibawaan putera baginda, iaitu Sultan Abdur Rahman Mu'azzam Syah yang sedang memerintah di kesultanan Riau Lingga pada ketika itu¹⁰.

Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi terpaksa berpindah dari Riau yang berada di Pulau Penyengat ke Pulau Lingga untuk menjalankan tugasnya sebagai hakim, beliau dikatakan telah berkhidmat selama dua tahun disana. Sewaktu Syeikh Muhammad Saleh bin Abdullah Minangkabawi dengan memegang jabatan hakim di Riau Lingga tersebut, salah seorang kerabat diraja kerajaan negeri Perak yang bernama Engku Raja Mahmud atau digelar dengan Imam Paduka Tuan Perak telah mengenalinya. Engku Raja Mahmud amat mengagumi kebijaksanaan Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi dalam menyelesaikan pelbagai isu sebagai hakim, lagi pula beliau dapat menggabungkan pengetahuan yang bercorak *duniawi* dan *ukhrawi* dalam keadaan politik disana. Justeru, Engku Raja Mahmud mula memujuk Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi untuk menjadi qadi di kerajaan negeri Perak Darul Ridzuan, di Semenanjung Malaya yang ketiga. Dikatakan setelah bermacam cara pujaan yang dilakukan oleh Engku Raja Mahmud, akhirnya Syeikh Muhammad Saleh Abdullah telah menerima jawatan sebagai qadi di kerajaan negeri Perak Darul Ridzuan tersebut, beliau dikatakan telah berkhidmat di sana sekitar lapan tahun, iaitu sejak 1 Januari 1925 Masihi sehingga beliau wafat pada tahun 1933 Masihi¹¹.

Peranan Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi bukan berkisarkan tentang soal masalah yang hanya melibatkan kehakiman hukum-hakam dalam institusi sesebuah kerajaan sahaja. Bahkan dikatakan semasa hayatnya di Minangkabau selama kira-kira empat tahun, beliau telah membantu gurunya iaitu Syeikh Muhammad Jamil (m.1862H/1947M) mengajar pelbagai kitab, samada berbahasa Arab dan bahasa Melayu yang telah dihidupkan disekitar wilayah tersebut. Tindakan Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi ketika menetap di wilayah Minangkabau sewaktu itu juga, telah dimanfaatkan dengan penyebaran dakwah Islam. Semasa tempoh selama empat tahun di Minangkabau juga, dikatakan bahawa Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi telah berkesempatan mempelajari ilmu mempertahankan diri seperti ilmu persilatan dan beberapa jenis ilmu hikmat yang terdapat pada zaman tersebut. Bahkan dari catatan individu terdahulu, mengatakan dalam ilmu persilatan beliau dapat mencapai gelaran sebagai seorang pendekar, beliau juga dapat menguasai kemahiran ilmu pengubatan sehingga beliau berkemampuan memberi khidmat merawat pesakit-pesakit masyarakat sekitarnya¹².

Daripada sejarah riwayat perjalanan Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi yang dikatakan beliau telah mengambil keputusan untuk berhijrah ke negeri Perak Darul Ridzuan di atas restu sultan Idris iaitu sultan negeri Perak Darul Ridzuan pada ketika itu. Walaupun keberadaan Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi di negeri Perak, beliau masih tetap aktif dengan meneruskan khidmatnya sebagai tenaga pengajar agama,

¹⁰ Wan Mohd Saghir Abdullah (2004), *Koleksi Ulama Nusantara*, 1:44.

¹¹ *Ibid.*

¹² *Ibid.*,

terutamanya beliau sering mengajar kitab-kitab Melayu Jawi di Kuala Kangsar pada tahun 1318 Hijrah bersamaan tahun 1900 Masihi¹³.

Khidmat Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi bukan hanya berkisarkan kawasan Nusantara sahaja, bahkan dikatakan juga Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi telah berhijrah pada kali kedua ke Makkah, beliau pernah menjadi pengajar seketika berada di sana. Antara anak muridnya ialah Putra Deli Serdang dan Engku Kudin. Setelah itu beliau diajak kembali ke Nusantara untuk mencerahkan ilmunya tersebut. Perjalanan Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi di Nusantara kemudiannya telah mendapat restu setiap sultan-sultan atau pemerintah negeri Melayu, seperti di negeri-negeri Melayu yang beliau lawati. Bahkan Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi dapat menjalinkan hubungan baik dengan kerabat istana, sehingga beliau dapat merumuskan karekter sultan-sultan yang telah ditemui oleh beliau. Seperti katanya sultan Abdur Rahman Mu'azzam Syah iaitu sultan Riau Lingga adalah sultan yang paling garang, dan beliau mementingkan keindahan pakaian, perhiasan serta menyukai kelazatan makanan dan minuman. Manakala sultan Abu Bakar iaitu Sultan Johor, merupakan seorang sultan yang cerdik, bersifat dengan mengasihi rakyat serta mengutamakan kepentingan dalam kerajaannya. Sultan Zainal Abidin III merujuk kepada sultan Terengganu pula, merupakan sultan yang sangat dalam pengetahuan ilmu keagamaan serta sangat bertaqwah kepada Allah Ta'ala¹⁴. Diriwayatkan Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi telah terlibat dalam satu kemalangan di Jalan Kuala Kubu Bharu Selangor, akibatnya beliau dimasukan ke Hospital Melayu Kuala Lumpur, dan meninggal dunia pada hari rabu 17 haribulan daripada bulan *Dhulhijjah* dalam tahun 1351 Hijrah pada jam 9.15 malam yang bersamaan 14 bulan Mac pada tahun 1953 Masihi di Kuala Lumpur. Namun berkenaan dengan persemadian jasad beliau menjadi tumpuan oleh dua pihak, dikatakan sultan Perak ketika itu meminta supaya jasadnya dikebumikan di negeri Perak, oleh sebab beliau sebagai Syeikh al-Islam Perak. Tetapi perkara itu ditolak oleh keluarga Syeikh Utsman bin Abdullah, yang mahukan Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi disemadikan di Kuala Lumpur dengan alasannya ia berdekatan dengan penempatan ahli keluarga beliau. Maka jasadnya telah diuruskan oleh ahli keluarga Syeikh Utsman bin Abdullah serta telah dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang Kuala Lumpur, yang bersebelahan dengan kubur saudaranya iaitu Syeikh Utsman bin Abdullah. Dikirakan umur Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi ketika itu dianggarkan sekitar 85 tahun¹⁵.

Guru-guru Syeikh Muhammad Saleh bin Abdullah Minangkabawi

Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi juga merupakan salah seorang ahli sufi yang mengamal *tarīqat Naqshabandiyah al-Khālidiyah* yang bersamanya Syeikh Wan Sulaiman bin Wan Shiddiq¹⁶, dikatakan bahawa mereka berdua adalah dalam satu seperguruan yang sama¹⁷. Bahkan pada zaman tersebut sememangnya perkembangan pesat *tarīqat Naqshabandiyah al-Khālidiyah* telah memenangi kawasan kelahiran Syeikh Muhammad

¹³ *Ibid.*,

¹⁴ Wan Mohd Saghir Abdullah, Shahril bin Kamil (2004), “Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Al Minankabawi Syeikhul Islam Perak Darul Redzuan”, *Bicara Agama: Utusan Malaysia*, 26 April 2004.

¹⁵ Shahril bin Kamil (2018), *Berdasarkan Keratan Akhbar Majallah Guru Bertarikh Januari 1934*, Dalam Temubual Bersama Penulis Pada 23 November 2018.

¹⁶ Beliau ialah Syeikh al-Islam Kedah Darul Aman (1291 H/1874 M-1935M). Namun Syeikh Wan Sulaiman bin Wan Shiddiq merupakan aliran pengamal tarekat *Naqshabandiyah Mujaddidiyyah Ahmadiyyah*.

¹⁷ Wan Mohd Shaghir Abdullah (2017), *Penyebaran Thariqat-thariqat Sufiyah*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah, h. 84.

Saleh Abdullah Minangkabawi itu sendiri. Hal ini disebabkan ulama besar Minangkabau iaitu Syeikh Ismail bin Abdullah al-Khalidī (1834M/1835M)¹⁸ merupakan pengasas pertama yang mengembangkan *tarīqat* tersebut di daerah Minangkabau¹⁹. Perkara inilah yang mempengaruhi Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi serta abang beliau iaitu Syeikh Utsman bin Abdullah sama-sama mengamal *tarīkat Naqshabandiyah al-Khālidiyah*²⁰.

Menurut catatan yang ada, di antara alim ulama besar Makkah yang sempat Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi menuntut ilmu dengannya, seperti Sayyid Ahmad bin Zaini Dahlan (1231H-1304H), Sayyid Abu Bakar Syatha al-Makkī (1226H-1310H), Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makkī (1233H-1335H), Syeikh Abdul Hamid al-Sharwanī, Sayyid Umar Bajunaid, Sayyid Muhammad Sa'id Babaśil dan Sayyid Abdullah Zawawī²¹. Ini adalah nama guru-guru kepada Syeikh Muhammad Saleh bin Abdullah Minangkabawi yang berada di Makkah dan telah dicatatkan setakat ini²².

Manakala nama mengenai guru-guru Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi di Nusantara pula, daripada catatan individu terdahulu melalui buku biografi Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi, iaitu merujuk kepada catatan oleh Syeikh Muhammad Saleh Mandahiling mengatakan bahawa tidak disebut seorang pun gurunya yang berasal dari dunia Melayu secara jelas²³. Namun, sekiranya diteliti pengembaraan Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi di tanah Melayu, berkemungkinan besar bahawa beliau juga pernah belajar daripada ulama-ulama dunia Melayu yang terkenal. Telah diriwayatkan sewaktu Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi memperdalam ilmu falak bersama beberapa orang kawannya, guru mengajar ilmu falak tersebut yang dikatakan beliau berperwatakan agak garang dan cara pengajaran beliau dikatakan agak keras, tetapi nama guru falak tersebut tidak pula dinyatakan secara terperinci dalam catatan itu. Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi sempat menyelesaikan pelajaran bersama guru itu²⁴.

Dikisahkan bahawa Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi terlalu meminati perbahasan berkenaan ilmu falak, secara tidak langsung perkara itu mendorongnya belajar dengan seorang lagi pemuda yang berusia enam belas tahun, namun dalam catatan biografinya juga tanpa menyebutkan nama pemuda ini secara khusus. Melalui dapatan kajian individu terdahulu, beliau menyimpulkan bahawa berkemungkinan yang dimaksudkan guru falak yang terlalu garang sebelum ini ialah merujuk kepada Syeikh Ahmad al-Fathanī, serta pemuda ahli falak yang berusia enam belas tahun itu pula, ialah merujuk kepada Syeikh Muhammad Nur al-Fathanī²⁵.

¹⁸ Wieringa, Edwin (2002). “A Tale of Two Cities and Two Modes of Reading: A Transformation of the Intended Function of the Syair Makah Dan Madinah”, *Welt Des Islams* 42, No. 2, h. 174-206.

¹⁹ Wan Mohd Shaghir Abdullah (2005), “Ulama Minangkabau Kadi Kuala Lumpur yang Pertama”, *Ruangan Bicara Agama: Utusan Malaysia*, 28 Mac 2005.

²⁰ *Ibid.*,

²¹ *Ibid.*,

²² Wan Mohd Shaghir Abdullah dan Haji Shahrir Kamil (2004), “Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Al Minankabawi Syeikhul Islam Perak Darul Redzuan”, *Ruangan Bicara Agama: Utusan Malaysia*, 26 April 2004.

²³ *Ibid.*,

²⁴ *Ibid.*,

²⁵ *Ibid.*,

Maka berdasarkan catatan tersebut, dapat dirumuskan bahawa sebahagian nama guru Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi di Nusantara ini, yang dapat dikaitkan dengan beliau adalah merujuk kepada beberapa tokoh yang dikenali Alam Melayu. Tokoh-tokoh tersebut seperti Syeikh Muhammad Jamil (1862H/1947M), Syeikh Ahmad al-Fathani (1856M-1908M) dan Syeikh Muhammad Nur al-Fathani (1290H-1363H)²⁶. Antara gurunya yang lain secara tidak langsung adalah seperti Syeikh Nawawi al-Bantani (1230H/1813M) dan kemungkinan besar juga, abang kandungnya iaitu Syeikh Utsman bin Abdullah (1267H/1850M) juga menjadi guru secara tidak rasmi kepada beliau, disebabkan perhubungan talian kekeluargaan serta keterlibatan kerja antara Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi dan abangnya Syeikh Utsman bin Abdullah adalah berhampiran, kerana mengikut Wan Mohd Shaghir Abdullah, menceritakan bahawa Syeikh Utsman bin Abdullah merupakan iman kemudian beliau diangkat menjadi qadi di Kuala Lumpur yang pertama²⁷.

Menerima Gelaran Syeikh al-Islam Perak Darul Ridzuan

Perkembangan usaha penyebaran dalam bidang keagamaan sejak abad 19 sehingga awal abad 20 Masihi di Alam Melayu, telah mencetuskan keterujaan institusi kesultanan atau pemerintah pada zaman tersebut untuk memberikan sesuatu nilai penghargaan. Penghargaan ini berbentuk gelaran atau panggilan menjadi titik tolak bahawa seseorang itu mempunyai keperibadian dan keistimewaan yang tersendiri. Gelaran sebagai Syeikh al-Islam adalah tidak menjadi perkara yang asing lagi yang telah diperkenalkan di tanah Melayu khususnya. Gelaran ini dapat menunjukkan sesuatu pengiktirafan kepada seseorang tokoh Islam Nusantara di atas kehebatannya dan sumbangannya dalam bidang dakwah keagamaan. Panggilan sebagai Syeikh al-Islam ini telah dilakarkan di beberapa negeri-negeri di Alam Melayu yang mempunyai seseorang *qadī* atau mufti yang dikira mereka itu bersifat wibawa. Seperti di negeri Kedah Darul Aman terdapat gelaran Syeikh al-Islam Kedah iaitu merujuk kepada Syeikh Wan Sulaiman bin Wan Shiqiq²⁸ (1291H/1874M-1935M)²⁹, sementara di negeri Selangor pula, gelaran Syeikh al-Islam disandarkan kepada Tengku Haji Mahmud Zuhdi bin Abdul Rahman al-Fathani (1930M/1935M)³⁰. Dikatakan Tengku Haji Mahmud Zuhdi secara rasminya dilantik sebagai Syeikh al-Islam Setia Diraja Selangor oleh sultan Sulaiman iaitu sultan Selangor yang ke-5, yang bertahta pada 1898-1938M³¹. Manakala gelaran Syeikh al-Ulama pula diberikan oleh Sultan Zainal Abidin III kepada Sayyid Abdul Rahman bin Muhammad al-Idrus (Tok Ku Paloh) dari negeri Terengganu, ini berdasarkan sumbangan daripada sudut keilmuan beliau yang berkhidmat kepada istana kesultanan dan sosial masyarakat di negeri Terengganu³².

Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi juga pernah menerima pengiktirafan sebagai Syeikh al-Islam bagi negeri Perak Darul Ridzuan. Pengiktirafan ini diberikan kepada beliau disebabkan keterujaan Engku Raja Mahmud yang telah mengagumi

²⁶ *Ibid.*,

²⁷ Wan Mohd Shaghir Abdullah (2005), “Ulama Minangkabau Kadi Kuala Lumpur yang Pertama”, *Ruangan Bicara Agama: Utusan Malaysia*, 28 Mac 2005.

²⁸ Dikatakan bahawa beliau adalah penyumbang idea utama penubuhan Maktab Mahmud Kedah yang masih wujud sehingga sekarang ini di Kedah Darul Aman.

²⁹ Wan Mohd Shaghir Abdullah (2017), *Penyebaran Thariqat-thariqat Sufiyah Mu'tabarah*, 84.

³⁰ Aisyah Ab. Rahim dan Mohd Roslan Mohd Nor (2004), “Tokoh Ulama Termasyhur dalam Perkembangan Islam Di Selangor Sebelum Merdeka (1900-1957): Satu Tinjauan Biografi”, *Jurnal Al-Muqaddimah*, Bil 2 2004, h. 93.

³¹ *Ibid.*, 94.

³² Razi Yaakob (2014), “Sumbangan Tok Ku Paloh Dalam Kegiatan Dakwah Dan Pendidikan Di Terengganu Malaysia”, *Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Vol. 2 No. 2, h. 219.

kebijaksanaan Syeikh Muhammad Saleh Abdullah dalam menyelesaikan pelbagai isu³³. Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, keta'ajuban Engku Raja Mahmud terhadap Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi telah menyumbangkan kepada usahanya membawa beliau untuk berkhidmat di negeri Perak Darul Ridzuan ketika itu. Maka di atas pengorbanan Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi yang sanggup berhijrah daripada Pulau Lingga Riau ke negeri Perak Darul Ridzuan, adalah suatu pergorbanan yang amat dihargai oleh Engku Raja Mahmud lalu beliau diberikan pengiktirafan yang khusus sebagai Syeikh al-Islam Perak Darul Ridzuan.

Justeru, cita-cita kerabat diraja negeri Perak Darul Ridzuan, khususnya Engku Raja Mahmud untuk melantik seorang Syeikh al-Islam di negeri di bawah pemerintahan beliau telah tercapai pada tahun 1922 Masihi. Namun, secara rasminya dianggarkan Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi mula menjawat jawatan sebagai *qadī* pada 6 bersamaan *Jumadil al-Akhir* pada tahun 1343 Hijrah atau bersamaan juga pada 1 haribulan Januari tahun 1925 Masihi³⁴.

Peranan Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Dalam Bidang Dakwah Dan Intelektual

Dalam usaha kegiatan dakwah dan keintelektualan, Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi berjaya menyebarkan penghayatan ilmu keagamaan sekitar Alam Melayu. Perkara ini terbukti dengan sumbangan beliau dalam bidang kegiatan dakwah yang bermula dalam urusan pentadbiran negeri, seperti mana yang disebutkan dalam kisah riwayat kehidupan beliau telah berkhidmat dalam mahkamah kesultanan Riau Lingga sehingga menjadi qadi Syeikh al-Islam di negeri Perak Darul Ridzuan, dianggarkan pencapaian beliau tersebut berterusan dalam tempoh sepuluh tahun sehingga kewafatan beliau di Kuala Lumpur. Siri pengajaran Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi adalah suatu perkara yang mendapat sambutan daripada masyarakat pada zamannya samada di Minangkabau atau Semanung Malaya.

Peranan Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi dalam bidang dakwah keintelektualan juga tidak dapat diragui. Ini berdasarkan apabila beliau ditempatkan sebagai seorang alim ulama untuk dijadikan pendakwah serta penasihat kepada sultan-sultan di Nusantara. Dalam riwayat kehidupan, beliau sering bergaul dengan para sultan-sultan di alam Nusantara, ia bermula dengan kesultanan Riau Lingga iaitu seperti sultan Abdur Rahman Mu'azam Syah sebagai penasihat bagi menjaga kewibawaan dalam pemerintahan baginda³⁵, seterusnya pengaruh hubungan baik dengan kesultanan tersebut telah melarat ke Semenanjung Malaya. Sehinggakan sultan Iskandar Syah iaitu sebagai sultan Perak Darul Ridzuan suatu ketika dahulu telah menjadi salah seorang daripada anak muridnya³⁶.

Daripada kronologi tersebut, Syeikh Muhammad Saleh sebagai hakim dan qadi telah berjaya mencuri perhatian para pemerintah kerajaan yang ada di Nusantara pada ketika waktu itu, seperti kerajaan Riau Lingga, kerajaan negeri Perak Darul Ridzuan, dan begitu juga kerajaan-kerajaan di negeri-negeri lain, seperti kerajaan negeri Johor oleh sultan Abu Bakar, dan kerajaan negeri Terengganu oleh sultan Zainal Abidin III. Oleh sebab, di dalam jaulah ilmiah beliau sentiasa mendapat restu sultan-sultan tersebut dalam menyebarkan kegiatan

³³ Wan Mohd Shaghir Abdullah (2004), *Koleksi Ulama Nusantara*, 1:44.

³⁴ *Ibid.*,

³⁵ *Ibid.*, 1:45.

³⁶ *Ibid.*,

dakwah serta keagamaan di negeri jajahan pemerintahan baginda, bahkan beliau dapat menjalankan hubungan baik dengan para sultan tersebut³⁷.

Pencapaian dakwah Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi juga, beliau dikatakan telah berjaya menubuhkan sebuah Madrasah pengajian (pusat pembelajaran) di Teluk Intan Perak Darul Ridzuan. Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi diceritakan telah berhasil mendirikan pusat pembelajaran yang bertemakan sistem pendidikan persekolahan, pusat ini telah diberi nama sebagai Madrasah Ihsaniah yang berada di Teluk Anson Perak³⁸. Di antara anak murid beliau yang dikenali daripada hasil pendidikan di Madrasah Ihsaniah ini, ialah seperti Tuan Haji Yeop Majlis Pandak Mohib³⁹.

Menurut kerabatnya, iaitu tuan Haji Shahrir bin Kamil, bahawa Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi merupakan antara status daripada golongan orang-orang kaya pada zaman riwayat kehidupannya⁴⁰. Bahkan beliau pernah menwaqafkan tanah di Kuala Lumpur untuk dibinakan sebuah masjid yang diberikan nama sebagai Masjid Aliah di Kampung Baru di Kuala Lumpur seketika dahulu, perkara ini berdasarkan wujud sekeping gambar Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi bersama masyarakat di sana yang pernah diletakan di ruangan solat di dalam Masjid tersebut suatu ketika dahulu, kemudian gambar asli itu masih dipegang oleh Haji Shahrir bin Kamil yang sekarang beliau menetap di Desa Petaling Selangor kini⁴¹.

Peranan Syeikh Muhammad Saleh Abdullah dalam menjadi tenaga pengajar keagamaan di Nusantara dapat dilihat melalui riwayat kehidupannya. Bermula dengan membantu guru beliau mengajar kitab-kitab Arab dan Jawi di Minangkabau sekitar empat tahun dimanfaatkan sebaiknya. Bahkan setelah berhijrah ke negeri Perak Darul Ridzuan, beliau meneruskan khidmatnya sebagai guru keagamaan yang sering mengajarkan kitab-kitab Melayu Jawi di sekitar Kuala Kangsar Perak pada tahun 1318 Hijrah atau bersamaan tahun 1900 Masihi⁴².

Sumbangan Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Dalam Bidang Penulisan Karya

Dikemukakan oleh Wan Mohd Saghir Abdullah berkenaan karya beliau seperti *Mawā'iz al-Badī'ah*, *Naṣīḥat al-Mubtadī*, Jalan Kematian dan *Kashf al-Asrār*. Karya-karya ini kebanyakan telah ditulis sekitar dalam tahun 1916 Masihi sehingga tahun 1927 Masihi. Karya-karya yang jelas dapat disandarkan sebagai hasil penulisan yang asli oleh Syeikh Muhammad Saleh Abdullah adalah sepetimana berikut:

1. *Mawā'iz al-Badī'ah*. Ia merupakan antara karya pertama atau terawal ditulis oleh Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi ialah karya berjudul dengan nama “*Mawā'iz al-Badī'ah*”. Karya ini telah diselesaikan pada tarikh 24 hari bulan Muhamaram

³⁷ Wan Mohd Saghir Abdullah, Shahril bin Kamil (2004), “Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Al Minankabawi Syeikhul Islam Perak Darul Ridzuan”, *Ruangan Bicara Agama: Utusan Malaysia*, 26 April 2004.

³⁸ Teluk Anson yang kini telah dinamakan sebagai Teluk Intan di Perak Darul Ridzuan.

³⁹ Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Negeri Perak (2019), “Kenali Ulama Perak”, *Jabatan Agama Islam Perak: Akhbar Ar-Ridzuan*, Edisi 4 2019.

⁴⁰ Menurutnya sekiranya disandarkan Syeikh Muhammad Saleh kepada nama orang tuanya yang bernama Syeikh Thaibyib merupakan kerabat kesultanan Melayu dahulu. Isteri beliau merupakan perempuan daripada keturunan sultan.

⁴¹ Mahupun pada masa kini, tapak masjid Aliah tersebut telah dijadikan dewan seberguna di Kampung Baru Kuala Lumpur.

⁴² Wan Mohd Saghir Abdullah (2004), *Koleksi Ulama Nusantara*, 1:44.

dalam tahun 1335 Hijrah atau bersamaan dengan tahun 1916 Masihi. Dikatakan bahawa karya ini telah dicetak oleh Maktabah Al Ahmadiyah Press nombor 101 Jalan Sultan Singapura, sekitar tahun 1344 Hijrah atau bersamaan tahun 1925 Masihi. Menurut Wan Mohd Saghir Abdullah bahawa isi kandungannya merupakan tentang nasihat dan akhlak yang diringkaskan dari karya *Mawā'iz al-Badī'ah* oleh Syeikh Abdul Ra'uf bin Ali al-Fansurī⁴³. Pada hakikatnya, karya *Mawā'iz al-Badī'ah* berkisarkan juga mengenai ilmu tasawuf hakikat, ia merujuk kepada penekanan pembelajaran mengenai syariat batin Nabi Muhammad S.a.w. Dengan 12 bilangan muka surat cetakan sahaja, karya ini telah dicetak semula oleh Khazanah Fathaniyyah di Kuala Lumpur dengan cetakan yang terhad⁴⁴.

2. *Naṣīhat al-Mubtadī*. Menurut catatan dalam buku koleksi sejarah Ulama Nusantara oleh Wan Mohd Saghir, antara risalah yang telah dinisbahkan kepada Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi adalah seperti risalah yang berjudul “*Naṣīhat al-Mubtadī*”, iaitu difahami dalam bahasa Melayu bermaksud ‘Nasihat bagi golongan permulaan’. Risalah ini juga dicetak oleh Maktabah Al Ahmadiyah Press yang berpusat di nombor 101 Jalan Sultan Singapura suatu ketika dahulu. Berkenaan dengan tarikhnya pula, Wan Mohd Saghir telah mengemukakan bahawa tarikh risalah ini pada tahun 1346 Hijrah atau 1927 Masihi. Isi kandungannya merupakan berbagai nasihat-nasihat ke arah keteguhan pegangan dalam beragama Islam dan iman⁴⁵.
3. *Jalan Kematian*. Risalah yang diiberi judul “*Jalan Kematian*” yang diselesaikan oleh Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi pada tarikh 14 Jumadil akhir 1344 Hijrah atau bersamaan tahun 1925 Masihi. Risalah ini terus menerus dicetak bersama-sama pada bahagian akhir karya *Kashf al-Asrār* oleh syarikat penerbitan Maktabah Al-Ahmadiyah Press, nombor 101 Jalan Sultan Singapura. Manakala isi kandungannya pula, banyak berkisarkan mengenai sesuatu peringatan kematian yang ia ditakuti oleh orang-orang soleh⁴⁶, dan terdapat juga nasihat ke atas pasangan suami dan isteri dalam permasalahan rumah tangga seperti nafkah, dan menceritakan tentang balasan kebaikan seseorang isteri yang mentaati terhadap suaminya.
4. *Kashf al-Asrār*. Karya *Kashf al-Asrār* oleh Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi selesai ditulis pada hari selasa bersamaan dengan 27 hari bulan Safar pada tahun 1344 Hijrah atau bersamaan dengan tahun 1922 Masihi. Ini yang diceritakan oleh Wan Mohd Saghir Abdullah dan berdasarkan petikan di dalam karya *Kashf al-Asrār* sendiri yang memberitahu tentang tarikh tersebut⁴⁷. Perbincangan utama dalam isi kandungan karya *Kashf al-Asrār* adalah mengenai ilmu tasawuf berbentuk hakikat, perbahasannya diterangkan dengan membezakan beberapa *maqamat* (tingkatan) orang Islam yang beramal dengannya. Sepertimana Syeikh Muhammad Saleh menggunakan istilah orang *mubtadī*, orang *mutawasith*, dan orang *muntahī*. Ia sinonim dengan tahap penguasaan dalam tiga aspek utama ilmu, seperti ilmu syariat iaitu fiqh, ilmu tarekat, dan ilmu hakikat⁴⁸.

⁴³ *Ibid.*,

⁴⁴ Syeikh Muhammad Saleh bin Abdullah Minangkabawi (2018), *Mawā'iz al-Badī'ah Pelajaran Yang Amat Indah*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah, h. 1-12.

⁴⁵ Wan Mohd Saghir Abdullah (2004), *Koleksi Ulama Nusantara*, 1:45.

⁴⁶ Muhammad Saleh bin Abdullah (1390), *Kashf al-Asrār*, Singapura: Al-Ahmadiyah Press, h. 50.

⁴⁷ Mohd Shaghir Abdullah (2004), *Koleksi Ulama Nusantara*, 1:45.

⁴⁸ Muhammad Saleh bin Abdullah (1390), h. 39-40.

Berdasarkan tinjauan terhadap karya-karya tersebut, pengaruh terbesar yang membuatkan Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi dikenali oleh masyarakat pada hari ini adalah sumbangan penulisan beliau terhadap karya yang berjudul *Kashf al-Asrār*. Karya ini dikirakan sebuah karya yang mudah difahami dengan menggunakan metode soal-jawab yang ringkas. Di atas tujuan asalnya bagi menjawab persoalan-persoalan mengenai amalan akhirat oleh masyarakat, termasuk di atas permintaan anak-anak murid beliau pada ketika itu⁴⁹.

Pengaruh *Kashf al-Asrār* Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi

Dengan adanya bahan bertulis yang telah dihasilkan oleh Syeikh Muhammad Saleh Abdullah, sepetimana karya-karya beliau, sekaligus ia dapat menyumbang kepada gaya penyampaian ilmu keagamaan, terutamanya seperti aliran tasawuf hakikat di dalam dunia Alam Melayu pada masa kini. Malah karya tasawuf beliau, khususnya seperti karya *Kashf al-Asrār* merupakan sebuah karya yang mudah difahami oleh masyarakat. Hal inilah sepetimana kata-kata daripada Syeikh Muhammad Saleh Abdullah sendiri, diwaktu beliau menulis karya tersebut dalam bentuk gaya penyampaian soal-jawab, di atas tujuan utama ialah supaya dapat memudahkan kefahaman orang-orang yang membacanya, sedangkan mereka itu orang yang baharu dalam mempelajari asas-asas ilmu keruhanian Islam⁵⁰.

Pengaruh wacana ilmu tasawuf yang telah dibawa oleh Syeikh Muhammad Saleh Abdullah terus subur dihidupkan sehingga ke hari ini. Dapat dilihat juga melalui siri daripada wacana perbahasan serta pembelajaran ‘ilmiyah yang berkaitan dilakukan pada hari ini. Menurut ustaz Abdul Halim, yang merupakan salah seorang pengkaji di Khazanah Fathaniyyah, beliau menyatakan bahawa karya *Kashf al-Asrār* masih lagi diajar dan dijadikan panduan serta rujukan oleh beberapa orang penceramah atau asatizah masa kini⁵¹. Berkata pula, Haji Sahril bin Kamil dalam suatu temu bual bersama penulis, terdapat asatizah yang masih aktif mengajar karya ini di sekitar Lembah Klang pada hari ini⁵². Tambahan pula, terdapat juga suatu kajian diperingkat universiti, bagi menentukan perbandingan isi kandungan di dalam karya *Kashf al-Asrār* dengan karya-karya lain⁵³.

Melalui kajian sorotan perbandingan antara karya *Kashf al-Asrār* dengan karya *al-Durr al-Nafīs* oleh Syeikh Muhammad Nafis bin Idris al-Banjārī (1735M-1812M) yang telah dilakukan oleh Noor Syahidah binti Mohamad Akhir, ini dapat membuktikan bahawa karya *Kashf al-Asrār* oleh Syeikh Muhammad Saleh Abdullah adalah sebagai karya muda yang juga berkemungkinan dipengaruhi oleh pengajaran daripada karya yang lebih tua, seperti karya *al-Durr al-Nafīs* ia merupakan salah satu karya yang sukar untuk difahami oleh orang-orang awam tanpa berpandukan seseorang guru yang *mursyid*⁵⁴. Maka dengan adanya karya *Kashf al-Asrār* ia menjadikan suatu *pentahqiq* bagi sesiapa berkeinginan memahami terhadap karya-karya

⁴⁹ *Ibid.*, 49.

⁵⁰ *Ibid.*, 2.

⁵¹ Abd. Halim bin Muhammed (2017), (Setiausaha Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara Malaysia), dalam temubual dengan penulis, 22 Disember 2017.

⁵² Shahrir bin Kamil (2018), (Kerabat Syeikh Utsman Abdullah), dalam temubual dengan penulis, 23 November 2018.

⁵³ Noor Syahidah Binti Mohamad Akhir (2013), “Pengaruh Syeikh Muhammad Nafis al-Banjārī Terhadap Perkembangan Islam di Kalimantan Selatan: Tumpuan Terhadap *al-Dūrr al-Nafīs*”, (Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013). h. 277

⁵⁴ *Ibid.*,

tasawuf hakikat yang tinggi itu, terutamanya ia berbicara berkenaan dengan ilmu tauhid dalam bentuk dalam bentuk *af’al*, sifat, dan zat Allah Ta’ala⁵⁵.

Pengaruh karya *Kashf al-Asrār* juga terus mendapat permintaan di pasaran sekitar negara Malaysia, Indonesia, dan Singapura. Perkembangan positif dalam sistem penerbitan naskah asal daripada cetakan Maktabah Al Ahmadiyah Press di Singapura dari cetakan pertama sehingga cetakan kedua puluh sembilan⁵⁶. Kerancakan permintaan dalam bentuk translasi ke dalam bahasa Melayu Rumi juga dilakukan oleh Noraine binti Abu, naskah ini terus dikeluarkan oleh syarikat penerbitan al-Hidayah Publications di Malaysia sehingga mencapai cetakan tahun 2015 Masihi⁵⁷.

Pengaruh karya *Kashf al-Asrār* ditonjolkan oleh agamawan kontemporari dalam bentuk *mentashih* (membetulkan) serta *mentahqiq* (memberi kefahaman), ini bertujuan untuk menjadi panduan pengamatan di dalam pusat Pasentren atau Pondok pengajian agama tertentu di Alam Melayu. Hal ini sepetimana yang dilakukan oleh Syeikh Haji Muhammad Wali al-Khalidi daripada seorang tokoh tarekat beraliran tarekat Naqshbandiyyah al-Khalidi, beliau menulis risalah khas bagi *mentahqiq* karya *Kashf al-Asrār* Syeikh Muhammad Şâleh Abdullah ini dengan memberi judul “*Tanwîr al-Anwâr Fî Izhâr Khalâl Mâ Fî Kashf al-Asrâr*”, risalah ini dikeluarkan oleh Maktabah al-Taufiqiyyah al-Sa’adah di Banda Aceh Indonesia, dan ia menjadi bahan bacaan terhadap masyarakat di sana khasnya di Pasentren Syeikh Haji Muhammad Wali al-Khalidi itu sendiri⁵⁸.

Begitu juga *Kashf al-Asrār* dalam memberi pegaruh dengan versi yang dijadikan translasi ke dalam bahasa Indonesia, naskah ini yang berjudul “*Kashf al-Asrār Menyikap Rahasia Agama Dan Tasawuf*”, merupakan isi kandungan karya *Kashf al-Asrār* yang diterbalikan bahasa ke dalam bahasa Indonesia yang khusus. Naskah ini dikeluarkan oleh Yayasan Dakwah Islam Surabaya di Indonesia sehingga mencapai cetakan ketiga puluh kerana ia telah mendapat permintaan oleh masyarakat yang cukup banyak⁵⁹.

Isi kandungan *Kashf al-Asrār* ini juga diberikan syarahan yang pelbagai oleh penulis-penulis terkemudian. Ia mula diubah suai dengan menambahkan beberapa syarahan baru, kemudian diberikan judul yang baru mengikut citarasa penulis moden tersebut. Hal ini boleh dirujuk di antara satu naskah yang berjudul “*Istana Tauhid*”, ia merupakan isi kandungan diambil daripada karya asal *Kashf al-Asrār* itu sendiri, namun bagi menyesuaikan dengan keadaan pengajian di Pondok pembelajaran agama tersebut, guru Pondok di sana telah menulis kembali karya *Kashf al-Asrār* yang diberikan judul baru itu. Di antara lain, buku yang berjudul “*Kasyful Ma’arif Ila Allah Ta’ala* Pembukaan Segala Ilmu Ma’rifat: Menyikap Rahsia Hubungan Diri Kita Dengan Allah Ta’ala” juga merupakan risalah yang diambil daripada isi kandungan *Kashf al-Asrār*, ia telah disusun semula oleh Amdan bin Hamid dan diterbitkan

⁵⁵ *Ibid.*,

⁵⁶ Wan Mohd Saghir Abdullah (2004), *Koleksi Ulama Nusantara*, 1:45.

⁵⁷ Noraine binti Abu (2015), *Kasyfu al-Asrar (Pembukaan Segala Rahsia)* Oleh Asy-Syeikh Muhammad Shaleh bin ‘Abdullah Mengkabauw, Batu Caves: al-Hidayah Publications Sdn. Bhd. h. 1-77.

⁵⁸ Muhammad Wali al-Khalidi (1970), *Tanwîr al-Anwâr Fî Izhâr Khalâl Mâ Fî Kashf al-Asrâr*, Banda Aceh: Maktabah al-Taufiqiyyah al-Sa’adah. h. 1-132.

⁵⁹ H. Muhammad Saleh bin Abdullah (1981), *Kashf al-Asrar Menyikap Rahasia Agama Dan Tasawuf*, Surbaya: Yayasan Dakwah Islam. h. 1-91.

oleh Syarikat Perniagaan Jahabersa di Johor Bahru dengan cetakan pertama pada 2014 Masihi⁶⁰.

Pengaruh ajaran ilmu tasawuf yang dibawakan oleh Syeikh Muhammad Saleh Abdullah di dalam karya beliau berjudul *Kashf al-Asrār* ini, ia juga mendapat respon aliran kontra yang tidak bersetuju dengan doktrin tasawuf yang bercirikan ajaran yang dikatakan berciri *wujūdī*. Hal ini ditonjolkan oleh salah seorang tokoh kontemporari seperti Abdulfatah Haron bin Ibrahim dalam penulisan sanggahan ke atas karya tersebut yang berjudul “*Sanggahan Ke Atas Kitab Kasyf al-Asrar*”⁶¹. Abdulfatah Haron bin Ibrahim dikenali sebagai tokoh sarjana kontemporari yang banyak menulis mengenai ajaran sesat di Malaysia. Kritikan serta sanggahan beliau diceritakan di dalam penulisan khas tersebut, serta penulisan beliau yang berjudul “Ahli Sunnah Dan Wujudiyah-Batiniyah (Mengenai Ajaran Salah)”⁶². Penulisan Abdulfatah Haron bin Ibrahim ini kebanyakannya dicetak dan diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), oleh sebab sewaktu mengarang buku-buku tersebut, beliau merupakan salah seorang penal akidah di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia pada ketika itu⁶³.

Kesimpulan

Daripada perbincangan di atas, terselahlah bahawa Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Minangkabawi telah memberikan sumbangan yang cukup besar dalam wacana perkembangan tasawuf Islam di tanah Melayu dan Nusantara. Pengaruh beliau sebagai Syeikh al-Islam negeri Perak Darul Ridzuan, digunakan sebaiknya untuk menghidupkan dakwah dan intelektual dalam bidang pengembangan ilmu tasawuf. Pengamalan jaulah ilmiah beliau telah menyumbang penulisan karya-karya mengenai ajaran tasawuf. Salah sebuah karyanya yang popular iaitu kitab *Kashf al-Asrār*, ia dianggap sebagai sebuah karya ulama Melayu yang mudah difahami mengandungi perbincangan mengenai tasawuf hakikat melalui gaya soal-jawab. Kebersamaan beliau melibatkan diri dalam kesultanan pemerintahan istana Melayu, sememangnya dapat meninggalkan kesan yang positif terhadap penghayatan agama bagi sultan-sultan Nusantara terdahulu.

Rujukan

- Abd. Halim bin Muhamed (2017), (Setiausaha Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara Malaysia), dalam temubual dengan penulis, 22 Disember 2017.
- Abdul Basit bin Abdul Rahman (2013), “Prof Dr Abdul Fatah Harun bin Ibrahim”, artikel di laman sesawang Abu Anas Madani, diakses 14 November 2019, <http://www.abuanasmadani.com/kenali-prof-dr-abdul-fattah-haron-bin-ibrahim-sejarah-menuntut-ilmu-perjuangan/>
- Abdulfatah Haron bin Ibrahim (2000), *Sanggahan Ke Atas Kitab Kasyf al-Asrar*, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

⁶⁰ Muhammad Soleh bin Abdullah (2014), *Kasyful Ma’arif Ila Allah Ta’ala Pembukaan Segala Ilmu Ma’rifat: Menyikap Rahsia Hubungan Diri Kita Dengan Allah Ta’ala*, terj. Amdan bin Hamid, Johor Bahru: Syarikat Perniagaan Jahabersa. h. 1-57.

⁶¹ Abdulfatah Haron bin Ibrahim (2000), *Sanggahan Ke Atas Kitab Kasyf al-Asrar*, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. h. 1-82.

⁶² Abdulfatah Haron bin Ibrahim (1999), *Ahli Sunnah dan Wujudiyah-Batiniyah (Mengenai Ajaran Salah)*, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. h. 241-252

⁶³ Abdul Basit bin Abdul Rahman (2013), “Prof Dr Abdul Fatah Harun bin Ibrahim”, artikel laman sesawang Abu Anas Madani, diakses 14 November 2019, h. 1-9 <https://www.dropbox.com/s/n36h8fhv6itnamn/Prof%20Dr%20Abdulfatah%20Haron%20Ibrahim%20v%202.pdf>

- Abdulfatah Haron bin Ibrahim (1999), *Ahli Sunnah dan Wujudiyah-Batiniyah (Mengenai Ajaran Salah)*, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Aisyah Ab. Rahim dan Mohd Roslan Mohd Nor (2004), “Tokoh Ulama Termasyhur dalam Perkembangan Islam Di Selangor Sebelum Merdeka (1900-1957): Satu Tinjauan Biografi”, *Jurnal Al-Muqaddimah*, Bil 2, 2004.
- Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Negeri Perak (2019), “Kenali Ulama Perak”, *Jabatan Agama Islam Perak: Akhbar Ar-Ridzuan*, Edisi 4 2019.
- H. Muhammad Saleh bin Abdullah (1978), *Kashf al-Asrār Menyikap Rahasia Agama Dan Tasawuf*, Surbaya: Yayasan Dakwah Islam.
- Noor Hayati Ismail et.al (2014), “Identiti Rumah Tradisional Negeri Sembilan Melalui Evolusi Reka Bentuk”, *Journal of Design + Built* 7 Vo. 7, 2014.
- Noor Syahidah Binti Mohamad Akhir (2013), “Pengaruh Syeikh Muhammad Nafis al-Banjarī Terhadap Perkembangan Islam di Kalimantan Selatan: Tumpuan Terhadap al-Dūrr al-Nafis”, Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013.
- Noraine binti Abu (2015), *Kasyfu al-Asrar (Pembukaan Segala Rahsia) Oleh Asy-Syeikh Muhammad Shaleh bin ‘Abdullah Mengkabauw*, Batu Caves: al-Hidayah Publications Sdn. Bhd.
- M.D. Mansur et.al (1970), *Sejarah Minangkabau*, Jakarta: Bharata.
- Muhammad Saleh bin Abdullah (1390), *Kashf al-Asrār*, Singgapura: Maktabah Al Ahmadiyah Press.
- Muhammad Wali al-Khalidi (1970), *Tanwīr al-Anwār Fī Izhār Khalāl Mā Fī Kashf al-Asrār*, Banda Aceh: Maktabah al-Taufiqiyah al-Sa’adah.
- Muhammad Soleh bin Abdullah (2014), *Kasyful Ma’arif Ila Allah Ta’ala Pembukaan Segala Ilmu Ma’rifat: Menyikap Rahsia Hubungan Diri Kita Dengan Allah Ta’ala*, terj. Amdan bin Hamid, Johor Bahru: Syarikat Perniagaan Jahabersa.
- Razi Yaakob (2014), “Sumbangan Tok Ku Paloh Dalam Kegiatan Dakwah Dan Pendidikan Di Terengganu Malaysia”, *Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Vol. 2 No. 2, 2014.
- Shahrir bin Kamil (2018), *Berdasarkan Keratan Akhbar Majallah Guru Bertarikh Januari 1934*, Dalam Temubual Bersama Penulis Pada 23 November 2018.
- Syeikh Muhammad Saleh bin Abdullah Minangkabawi (2018), *Mawā’iz al-Badī’ah Pelajaran Yang Amat Indah*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah dan Haji Shahrir Kamil (2004), “Syeikh Muhammad Saleh Abdullah Al Minankabawi Syeikhul Islam Perak Darul Redzuan”, *Bicara Agama: Utusan Malaysia*, 26 April 2004.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah (2005), “Ulama Minangkabau Kadi Kuala Lumpur yang Pertama”, *Ruangan Bicara Agama: Utusan Malaysia*, 28 Mac 2005.
- Wan Mohd Saghir Abdullah (2004), *Koleksi Ulama Nusantara*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah (2017), *Penyebaran Thariqat-thariqat Sufiyah*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah.
- Wieringa, Edwin (2002). “A Tale of Two Cities and Two Modes of Reading: A Transformation of the Intended Function of the Syair Makah Dan Madinah”, *Welt Des Islams* 42, No. 2, 2002.